



SISA minyak yang didakwa dari gerai makan berdekatan mencemari tasik berhampiran Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil. - UTUSAN/HAYAT SUEET

Jadi tempat buangan sisa makanan para peniaga

Tasik 'minyak' di Bukit Jalil

Oleh WAN SYAMSUL AMLY
kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Julai – Kompleks Sukan Negara (KSN) di Bukit Jalil dan kawasan sekitarnya memang sering menjadi tumpuan warga kota untuk beriadah terutama pada sebelah petang.

Selain kemudahan letak kereta yang luas, beberapa kemudahan untuk rekreasi seperti trek berjoging dan pelanggang sukan menjadikan ia pilihan utama warga kota.

Di kawasan itu, terdapat gerai makan untuk menjamu para selepas beriadah dan juga terdapat gerai bagi mereka yang mahu merehatkan diri.

Namun, tasik di kawasan itu yang dahulunya cantik, kini berminyak, kotor, busuk dan menjadi tempat longgokan sisa makanan gerai makan berhampiran.

Tinjauan *Utusan Malaysia* baru-baru ini mendapati tasik berkenaan kini sudah tercemar dengan minyak menutupi permukaan air.

Keadaan itu sebenarnya masih 'bersih' jika hendak dibandingkan pada waktu petang iaitu semasa kedai makan di situ sudah beroperasi.

Premis menjual makanan dan minuman di situ mula beroperasi pada pukul 4 petang dan menamatkan perniagaan mereka sekitar pukul 2 pagi setiap hari.

Kebanyakan pelanggan yang mengunjungi kedai makan itu terdiri daripada pelajar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), pengguna sistem transit alitan ringan (LRT) Sri Petaling dan orang ramai yang berkunjung untuk beriadah di situ pada waktu petang.

Alangkah sedihnya melihat kawasan tasik yang menjadi lokasi warga kota berekreasi terutama berjoging dan bermain untuk anak-anak menjadi semakin tercemar dari hari ke hari.

Pastinya tasik 'minyak' itu akan menjadi lebih busuk jika pihak berkenaan tidak mengambil tindakan segera dan memastikan air dari premis makanan itu disalurkan ke saluran yang betul.

Menurut seorang pengawal keselamatan

di situ yang enggan dikenali, pemilik premis kedai makan itu mendakwa mereka tidak mempunyai saluran sesuai untuk membuang air basuhan peralatan perniagaan mereka.

Jadi, jalan terakhir yang ada hanyalah saluran longkang yang terus mengalirkan air sisa makanan dan basuhan itu ke dalam tasik berhampiran.

Katanya, peniaga di situ tidak mempunyai pilihan kerana longkang dari kawasan premis itu disalurkan terus ke dalam tasik tersebut.

"Ini kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tetapi setakat ini saya tidak nampak usaha yang dilakukan untuk membendung perkara itu atau tindakan membersihkan atau mengadakan alternatif saluran sisa air buangan untuk premis di kawasan ini," katanya.

Katanya, walaupun peniaga merasa 'berdosa' kerana membiarkan air basuhan masuk ke tasik tetapi mereka tidak mempunyai pilihan kerana tiada saluran lain yang disediakan.

"Kalau pengunjung datang pada pukul 8

malam, mereka akan nampak sisa makanan disalurkan ke dalam tasik. Pada waktu itu air yang masuk ke tasik itu memang banyak.

"Sekarang kita boleh lihat sisa semalam di dalam tasik. Nampak minyak sudah menutup tepian tasik dan baunya juga memang kurang menyenangkan," katanya.

Lebih sedih apabila tinjauan mendapati kesan minyak itu sebenarnya sudah meliputi keseluruhan kawasan tepi tasik terbabit.

Memikirkan apa akan jadi kepada ikan di dalam tasik itu jika pencemaran minyak terbabit tidak ditangani segera oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) tentunya lebih memburukkan lagi keadaan.

Apa yang pasti ialah satu tindakan segera perlu diambil bagi memastikan tasik itu tidak terus dicemari kerana akhirnya nanti premis di situ juga akan kehilangan pelanggan jika tasik tersebut tercemar dan berbau busuk.

Para peniaga tidak seharusnya menyalahkan dan mengharapkan DBKL menangani masalah itu tanpa mereka sendiri turut berusaha memastikan tasik itu terus terpelihara kebersihannya.